

Bil. S 54

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGGAL 142)**

Perintah dibuat di bawah bab 7(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 7(1) dari Akta Kawalan Harga (Penggala 142), maka Pengawal Harga dengan ini memerintahkan bahawa tiada sesiapa pun boleh memperolehi atau mempunyai dalam milikannya atau di bawah kawalannya mana-mana barang terkawal yang berikut yang melebihi kuantiti yang diperlukan bagi kegunaan dan pemakaian biasa di dalam rumah atau establismentnya —

1. Beras (Thai Hom Mali, beras Thai dan beras pulut).
2. Gula (putih, halus, pasir, tebu, bijian halus).
3. Tepung gandum.
4. Susu tepung anak damit.
5. Susu (pekat dan cair).
6. Rokok dan tembakau.
7. Motor gasoline Premium 97 (di dalam kontena maksimum 100 liter).
8. Motor gasoline Super 92 (di dalam kontena maksimum 100 liter).
9. Motor gasoline Regular 85 (di dalam kontena maksimum 100 liter).
10. Minyak gas automatif (minyak Diesel) (di dalam tong maksimum 450 liter; di dalam kontena maksimum 100 liter).
11. Kerosin dua tujuan (di dalam tong maksimum 450 liter; di dalam kontena maksimum 100 liter).
12. Gas petroleum cecair berbotol (maksimum 50 kg atau 4 tong gas setiap satu dengan muatan 12 kg).
13. Minyak masak (canola, jagung, palma, sayur, bunga matahari dan kacang soya).
14. Bar tetulang.
15. Pasir.

16. Batu (agregat 3/4).
17. Simen.
18. Bitumen.
19. Asfalt.
20. Konkrit siap campur.
21. Bata (tanah liat dan konkrit).

Bertarikh pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012.

DR. HJH. MAY FA'EZAH BINTI HJ. AHMAD ARIFFIN
Pengawal Harga,
Negara Brunei Darussalam.